

24/10/1999

Siva kesal sikap guru antikerajaan

KUALA LUMPUR: Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Siva Subramaniam menyifatkan tindakan guru menghasut murid agar membenci pemimpin melalui soalan Matematik yang diedarkan kepada pelajar sebagai tindakan `liar' dan `bahaya'.

Katanya, sebagai golongan profesional, tindakan guru itu mempunyai niat jahat untuk meracuni pemikiran murid sekolah itu supaya membenci pemimpin negara dan kerajaan.

"Kita berasa musykil bagaimana sekolah itu boleh membenarkan guru berkenaan mengedarkan soalan berkenaan kepada muridnya," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendedahkan perbuatan segelintir guru di Kedah menyelitkan unsur kebencian kepada kerajaan dan pemimpin dalam kertas soalan Matematik untuk pelajar mereka.

Dalam sidang akhbar pada akhir lawatan dua harinya ke Kedah kelmarin, Perdana Menteri berkata, soalan itu mengaitkan nama Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin dan dua anak belia, Mirzan dan Mokhzani.

Siva bertanya bagaimana soalan berunsur politik bertujuan menimbulkan kebencian pelajar terhadap pemimpin dan kerajaan boleh diedarkan kepada murid sekolah itu?

"Sepatutnya sebelum diedarkan, soalan itu terlebih dulu disemak oleh guru besar, pengetua atau penolong kanan," katanya.

(END)